



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**IKLAN JAWATAN KOSONG
JABATAN BENDAHARI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Jabatan Bendahari, UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA5

Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak

SYARAT LANTIKAN

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau
 - ii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau
 - iii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau
 - iv. Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

- a) Berkebolehan dalam mengaturlcara aplikasi mudah alih (Android/ iOS) adalah satu kelebihan;
- b) Boleh bekerja secara berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian/Projek di bawah pengawasan minimum;
- c) Boleh menggunakan *Microsoft Word, Excel* dan *Powerpoint* dengan baik;
- d) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- e) Bersedia menerima arahan kerja lebih masa (sekiranya diperlukan);
- f) Bersedia untuk bekerja di lapangan/luar bandar (sekiranya diperlukan);
- g) Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib dan bebas dari pertuduhan mahkamah; dan
- h) Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Walau bagaimanapun, calon yang baru menamatkan pengajian digalakkan untuk memohon.

DESKRIPSI TUGAS

- a) Bertanggungjawab dalam melaksanakan pembangunan sistem aplikasi yang meliputi mendapatkan keperluan pengguna, melaksana rekabentuk sistem, mengekod aturcara, menguji kod aturcara, menyedia dokumentasi sistem, dan menyelenggara sistem;
- b) Berkeupayaan di dalam menyelesaikan masalah (*troubleshooting and problem solving*) yang berkaitan dengan kod aturcara dan sistem aplikasi;
- c) Bertanggungjawab dalam bahasa pengaturcaraan (keutamaan kepada PHP) dan pangkalan data (MS SQL Server dan MySQL) agar dapat menyokong keperluan projek;
- d) Berkeupayaan berkaitan sistem operasi (*Windows/ Linux*) dan aplikasi (*freeware/ shareware/ opensource/ community edition*); dan
- e) Bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelenggara peralatan teknologi maklumat.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat dan berkelayakan, sila lengkapkan **maklumat diri dan hantarkan resume/CV terkini serta salinan sijil akademik** pada pautan berikut:

<https://forms.gle/yfmGuDtWcFS7DzUy8>



Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-8921 3399/ 5134 atau emel kepada pentadbiranbendahari@ukm.edu.my.

Tarikh Tutup Permohonan : 31 Oktober 2025 (Jumaat)

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri sesi temubual. Sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumat selepas **satu (1) bulan** dari tarikh tutup permohonan, calon dianggap gagal melepasi saringan pertama.